

Pandangan Hidup Islam dan Matlamat Pendidikan Indonesia: Satu Kajian Sistematik

Islamic Worldview and the Indonesian Education Goals: A Systematic Literature Review

BETA PUJANGGA MUKTI¹ & SHEREEZA MOHAMED SANIFF^{*,2}

¹Department of Islamic Studies, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, 55183, Daerah Istimewa Yogyakarta, Indonesia

²Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding Author; email: shereeza@usm.my

Received: 31 January 2024/ Revised: 1 April 2024/ Accepted: 2 April 2024/

Publish: 1 December 2024

ABSTRAK

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji wacana sedia ada mengenai kepentingan pandangan hidup Islam dengan matlamat pendidikan Indonesia. Untuk mencapai objektif kajian ini, makalah ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis dan mensintesis kecenderungan kajian terkini yang berkaitan dengan pandangan hidup Islam dan matlamat pendidikan Indonesia. Kajian ini menggunakan kajian sistematik untuk penulisan akademik berdasarkan tiga pangkalan data. Berdasarkan tinjauan sistematik literatur (SLR) yang dilakukan, terdapat 124 artikel telah ditemui menggunakan kata kunci Pendidikan Islam, Pandangan Hidup Islam, dan Matlamat Pendidikan Indonesia. Walau bagaimanapun, setelah menilai keseluruhan aspek artikel, merangkumi judul, abstrak dan kandungan teks, didapati hanya 17 artikel layak dianalisis selepas lulus proses penapisan. Penemuan berdasarkan SLR yang dijalankan menunjukkan bahawa walaupun terdapat kajian-kajian berkenaan pandangan hidup Islam dalam pendidikan Indonesia telah dijalankan, namun fokus kajian-kajian tersebut adalah untuk menganalisis matlamat pendidikan Indonesia berdasarkan skop yang lebih umum iaitu berpandukan perspektif Islam atau al-Quran tanpa menghubungkan dengan lebih jelas pandangan hidup Islam yang bersifat lebih spesifik, yang merupakan fokus kajian ini. Oleh itu, hasil dapatan SLR ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji lebih lanjut tentang kepentingan pandangan hidup Islam bagi dijadikan asas untuk mencapai kesejahteraan menerusi matlamat pendidikan Indonesia.

Kata kunci: Pandangan hidup Islam; pendidikan Islam; matlamat Pendidikan Indonesia; sistem Pendidikan Indonesia; kajian sistematik

ABSTRACT

This study aims to examine the existing discourse on the suitability of the Islamic worldview to be embedded as the philosophical underpinnings of Indonesian education goals. Therefore, this paper sets out to critically analyse and synthesise the trend of the latest studies of Islamic worldview and Indonesian education goals. This paper used a systematic search for the articles based on three databases. Based on the systematic literature review, 124 articles were found using the keywords of Islamic Education, Islamic Worldview, and Indonesian Education Goals. After assessing all journal elements, including the title, abstract, and content, only 17 articles were chosen following the filtering process. The systematic review of the literature found that while there have been studies on the Islamic worldview in Indonesian education, they mainly focus on analysing education goals from a general Islamic perspective or the Quran. These studies do not specifically address the more detailed Islamic worldview, which is the focus of this study. Therefore, the results of this SLR indicate a need for an in-depth study on the importance of the Islamic worldview as a foundation for achieving prosperity through the goals of Indonesian education.

Keywords: Islamic worldview; Islamic education; Indonesian education goals; Indonesian education system; systematic literature review (SLR)

PENGENALAN

Makalah ini bertujuan untuk mengkaji wacana sedia ada mengenai pandangan hidup Islam dan matlamat pendidikan Indonesia. Dengan kata lain, kajian ini menganalisis secara kritis dan mensintesis kecenderungan kajian terkini yang berkaitan dengan pandangan hidup Islam dan matlamat pendidikan Indonesia. Matlamat pendidikan Indonesia telah dinyatakan dengan jelas dalam Undang-Undang Dasar 1945 No. 20 tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional (Sisdiknas), bahawa pendidikan Indonesia bermatlamatkan untuk berkembangnya potensi peserta didik supaya menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlak mulia, sihat, berilmu, cekap, kreatif, mandiri, dan menjadi warga negara yang demokratik serta bertanggungjawab.

Kajian pandangan hidup Islam dalam pendidikan penting untuk dilakukan, supaya pendidikan di Indonesia dapat berlandaskan pandangan hidup yang lebih sempurna demi mencapai kesejahteraan. Secara umumnya, pandangan hidup akan memberi implikasi kepada pemikiran, nilai, dan tindakan (Ismunanto 2021). Oleh itu, manusia memerlukan pandangan hidup yang sempurna supaya manusia dapat bertindak dalam kerangka tindakan dan nilai yang benar. Kajian ini cuba melihat kesesuaian pandangan hidup Islam untuk diterapkan dalam matlamat pendidikan Indonesia. Keperluan ini timbul kerana masih terdapat beberapa masalah yang berlaku dalam pendidikan di Indonesia yang menjadi penghambat kepada pencapaian matlamat pendidikan di Indonesia seperti yang dihasratkan.

Terdapat sekurang-kurangnya tiga isu utama yang membelenggu sistem pendidikan Indonesia; pertama, mengenai masalah keadilan. Berlakunya pelbagai gejala keadilan dalam perkhidmatan pendidikan dapat dijelaskan berdasarkan Teori Windham (1990) yang menyebut dalam istilah *dual system*, iaitu warganegara terkesan dibahagikan kepada dua golongan yang terpisah. Kedua-dua golongan tersebut merujuk kepada satu golongan yang mendapat keistimewaan (*privileged*) dan golongan yang satu lagi adalah yang kurang bernasib baik (*underprivileged*). Golongan yang pertama sebagai kumpulan yang mendapat pelbagai kelebihan akan mendapat pelbagai akses dengan mudah, tetapi golongan yang kurang bernasib baik semakin ketinggalan kerana kurang mendapat akses pendidikan yang lebih mudah.

Isu kedua ialah berkenaan humanisme dalam pendidikan. Matlamat pendidikan adalah untuk mengembalikan manusia kepada potensi asas mereka terutama potensi rohani, sosial, emosi, dan intelektual (Saad & Rajamanickam 2021). Potensi itu perlu dikembangkan. Namun pada masa kini khususnya di Indonesia sedang ke arah proses yang bertentangan yang diistilahkan sebagai “de-humanisasi”. Sistem pendidikan Indonesia dikatakan cenderung kepada diskriminasi, mengekang kebebasan untuk mengembangkan potensi pelajar, dan pendidikan telah dijadikan alat untuk mengabadikan suatu doktrin dengan alasan untuk keseragaman nasional, sehingga pelajar dilihat dijadikan hanya sebagai objek kekuasaan (Awang, Nuriz & Fuadi 2020).

Isu ketiga ialah tentang dualisme dalam pendidikan. Dikotomi Islam dan ilmu sains masih menjadi masalah sehingga kini (Wan Zakaria 2019). Seorang lagi sarjana, Kurniyati (2018) mengatakan bahawa dikotomi telah muncul daripada dua sistem pendidikan Indonesia yang berbeza iaitu pengurusan institusi pendidikan umum dan pengurusan institusi pendidikan agama. Dikotomi institusi pendidikan juga muncul dalam pelbagai masalah khususnya berkenaan akses pendidikan dan juga dalam pengagihan bantuan pendidikan (Azlan, Amran & Ishak 2020).

Pelbagai permasalahan yang muncul disebabkan kurang atau tidak adanya pandangan hidup yang tidak sempurna dalam memahami dan melaksanakan matlamat pendidikan Indonesia, sehingga masih terdapat kesulitan untuk mencapai matlamat pendidikan Indonesia yang ideal sebagaimana dinyatakan dengan jelas dalam Sisdiknas. Konsep pandangan hidup Islam adalah sesuatu yang penting dalam memahami realiti sesuatu. Ia mengambil pendekatan menegak (hubungan dengan Allah S.W.T) dan mendatar (hubungan dengan manusia dan sistem). Asas ini adalah asas dalam memupuk pandangan hidup seseorang agar mempunyai gambaran tentang sesuatu yang lebih sempurna (Baba & Hanapi 2018).

Salah satu pandangan hidup yang lebih sempurna adalah yang terdapat dalam pandangan hidup Islam iaitu manusia diletakkan pada kedudukan yang unik, sebagai hamba Allah SWT sekali gus juga sebagai khalifah. Walaupun peranan yang pertama kekal abadi, sementara yang kedua hanya sementara di bumi, namun keberhasilan peranan yang pertama bergantung sepenuhnya atas peranan yang kedua. Kedua-duanya mempunyai hubungan organik antara satu sama lain. Justeru matlamat paling asas

dalam Islam adalah pembangunan individu supaya mempunyai kemampuan intelektual, fizikal dan kedalaman ruhani dalam melaksanakan kedua-dua peranan tersebut secara serentak (Wan Daud 1994).

Berkenaan dengan potensi atau fitrah manusia sebagai khalifah di bumi, Hasan (1986) menyatakan proses ini akan terwujud secara efektif dan bertahap melalui pendidikan dan pencapaiannya dapat dilihat melalui empat ciri utama, iaitu; Pertama, fitrah yang sentiasa mengatur pada kebaikan dan ketundukan (ibadah). Kedua, fitrah manusia yang asas terdapat pada ruh yang merupakan pancaran ruh-Nya. Ketiga, adanya kebebasan berkehendak dan beraktiviti. Keempat, kemampuan akal baik sebagai alat analisa mahupun sebagai pengukur seluruh tindakan manusia.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Berdasarkan penjelasan pada bahagian pendahuluan, terdapat hubungan yang jelas antara pandangan hidup Islam dengan pendidikan. Pandangan hidup Islam perlu diambil kira sebagai kaedah dalam membina konsep pendidikan yang komprehensif, termasuk pendidikan di Indonesia, yang menjadi fokus utama makalah ini. Pandangan hidup Islam dapat membangun pemikiran Islami. Perkara ini sangat penting untuk memastikan perubahan menyeluruh (atau holistik) tercapai. Tanpa perubahan holistik ini, *islah* (perbaikan) dan *tajdid* (pembaharuan) tidak akan berlaku. Umat Islam hanya akan menjadi pengguna pemikiran dan kaedah orang lain (Baba & Hanapi 2018) sekiranya perubahan secara holistik tersebut tidak dapat digerakkan.

Oleh itu, perlunya dilakukan satu kajian sistematik untuk mendapatkan hasil penelitian baharu yang boleh mengisi lompong kajian-kajian sebelumnya berkenaan kepentingan pandangan hidup Islam dengan pendidikan khususnya matlamat pendidikan Indonesia.

Kajian sistematik atau disebut dengan *Systematic Literature Review* (SLR) adalah satu kaedah sorotan karya dan kajian lepas yang dapat mengenalpasti, menilai, dan menginterpretasi seluruh temuan-temuan pada suatu topik penyelidikan, untuk menjawab persoalan kajian (*research question*) yang telah ditetapkan sebelumnya. Kaedah SLR dilakukan secara sistematik dengan mengikuti tahapan dan prosedur yang memungkinkan proses sorotan kajian lepas dan karya (*literature review*) terhindar dari bias dan pemahaman yang bersifat subjektif dari penelitiannya (Kitchenham & Charters 2007).

Kajian sistematik ini mempunyai tiga objektif: pertama adalah mengiktiraf tinjauan tema pandangan hidup Islam dalam pendidikan. Keduanya menganalisis hasil bacaan pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia berdasarkan Sisdiknas. Ketiga ialah tinjauan kepentingan pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia.

KAEDAH

Kajian sistematik adalah penelitian terhadap persoalan yang terbina jelas, menggunakan kaedah sistematik untuk mengenal pasti, memilih dan menilai secara kritikal kajian yang relevan serta mengumpul dan menganalisis data daripada kajian yang terpilih (Higgins & Green 2011). SLR juga merupakan satu proses yang dibenarkan untuk mengumpul bukti yang relevan mengenai topik yang diberikan yang sesuai dengan kriteria kelayakan yang telah ditetapkan dalam mencari jawapan untuk soalan kajian yang dirumuskan (Mengist, Soromessa & Legese 2020). Melalui kajian sistematik, pengkaji dapat menunjukkan kajian yang akan dilakukan adalah berasas dan dapat mengenal pasti lompong serta arah yang perlu dituju dalam kajian akan datang. Fokus kajian ini adalah untuk memahami secara menyeluruh bagaimana pandangan hidup Islam dikaji dan dilihat berdasarkan matlamat pendidikan di Indonesia. Tujuannya adalah untuk mengetengahkan kepentingan pandangan hidup Islam sebagai satu garis panduan yang memberi perspektif tentang kelebihan-kelebihan yang terdapat apabila pandangan hidup Islam dijadikan sebagai panduan dalam membina dasar pendidikan negara demi mencapai matlamat pendidikan Indonesia.

Menurut Xiao dan Watson (2017), terdapat tiga peringkat utama dalam kajian sistematik iaitu: (a) merancang-mengenal pasti keperluan untuk mengkaji, membina persoalan kajian yang spesifik, dan juga membina protokol kajian, (b) melaksanakan-mengenal pasti dan memilih kajian utama, ekstrak, analisis dan sintesis data, dan (c) laporan kajian.

Kajian sistematik ini dilakukan berpandukan pada penyata PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analyses*). Menurut Sierra-Correa, Ricardo and Kintz (2015), penggunaan PRISMA akan memberikan tiga kelebihan iaitu: (1) mentakrifkan persoalan kajian dengan jelas yang memerlukan kajian sistematik dilakukan, (2) mengenal pasti kriteria untuk

dimasukkan atau dikeluarkan dan (3) mencuba untuk melihat pangkalan data literatur saintifik yang besar pada masa yang ditetapkan.

PANGKALAN DATA YANG DIGUNAKAN

Sebanyak tiga enjin carian akademik dalam pangkalan data digunakan untuk mencari artikel dan jurnal iaitu SCOPUS, MYJURNAL dan Indonesian Journal of Educational Review (IJER). Ketiga-tiga pangkalan data ini digunakan kerana mempunyai banyak artikel yang berindeks tinggi. Terutamanya Scopus, sebagai rujukan utama manakala dua pangkalan data yang lainnya sebagai sokongan. Scopus adalah pangkalan data utama kerana ia mempunyai kelebihan dalam SLR. Scopus sebagai pangkalan data mempunyai fungsi dan ciri carian yang lebih terperinci dan dengan itu dianggap sebagai pangkalan data yang komprehensif dan berkualiti (Mohamed Shaffril et al. 2020). Tambahan pula, ia juga memberi manfaat kepada penggunaanya

kerana rangkaian data literatur yang disemak rakan sebaya yang luas termasuk jurnal saintifik, buku dan prosiding persidangan terutamanya dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan, Selain itu ia mempunyai fungsi carian hadapan (Levy & Ellis 2006).

Justifikasi penggunaan pangkalan data MyJurnal pula adalah disebabkan tema yang berkaitan langsung dengan Islam khususnya pandangan hidup Islam mudah ditemukan dibandingkan dengan Scopus dari sisi pencarian tema “Islam”. Manakala justifikasi untuk penggunaan pangkalan data yang ketiga, iaitu Indonesian Journal of Educational Review (IJER) kerana fokus utama kajian ini adalah berkenaan matlamat pendidikan Indonesia. Maka perlu merujuk kepada jurnal pendidikan Indonesia yang berindeks tinggi, terutamanya untuk kata kunci yang tidak boleh ditemukan dengan menggunakan istilah Inggeris dan menggunakan bahasa Indonesia atau Melayu.

JADUAL 1. Kata kunci dan strategi pencarian maklumat atau data

Pangkalan Data	Kata Kunci yang Digunakan
Scopus	<i>TITLE-ABS-KEY (“education*goal*” OR “instruction goal*” OR “education*objective*” OR “education*aim”) AND (Indonesia)</i>
MyJurnal	<i>Worldview Islam or Islamic Education AND Educational Aim of Indonesia</i>
Indonesian Journal of Educational Review (IJER)	<i>Worldview Islam or Islamic Education AND Educational Aim of Indonesia AND Pendidikan Islam AND Matlamat pendidikan Indonesia</i>

Berdasarkan proses ini, kajian ini adalah: (i) untuk menjawab persoalan kajian, (a) Apakah kecenderungan terkini kajian tentang pandangan hidup Islam dan matlamat pendidikan Indonesia, (b) Apakah kepentingan pandangan hidup Islam sebagai acuan untuk mencapai matlamat pendidikan Indonesia, (ii) protokol kajian berfokus pada mengenal pasti kajian lepas dalam pangkalan data bagi tiga pangkalan data antarabangsa secara atas talian, (iii) mengenal pasti dan memilih kajian utama (Liberati et al. 2009).

PENGENALPASTIAN (*IDENTIFICATION*)

Langkah pertama dalam tinjauan sistematik disebut pengenalpastian (atau *identification*). Pengenalpastian merupakan satu proses mencari istilah yang sinonim, dan variasi terkait untuk kata kunci utama daripada kajian lepas dan karya tentang perkaitan pandangan hidup Islam dengan matlamat pendidikan Indonesia. Kata kunci yang digunakan pada ketiga-tiga pangkalan data ini adalah seperti berikut:

JADUAL 2. Kerangka PICOS bagi menyusun persoalan kajian dan analisis

Komponen PICOS	Kandungan
Populasi (<i>Population</i>)	Sekolah rendah dan Sekolah menengah
Intervensi (<i>Intervention</i>)	Pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia
Perbandingan (<i>Comparison</i>)	Pendidikan yang berpaksikan umum dan pendidikan yang berpaksikan agama
Hasil (<i>Outcome</i>)	Terjadinya dualisme dan perlu mengambil kira pandangan hidup Islam sebagai panduan dalam membina dasar pendidikan negara
Reka bentuk kajian (<i>Study Design</i>)	Mengkaji semua kajian emperikal dan analitikal dengan fokus pada konsep pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia

Berdasarkan garis panduan ini, daripada 124 kertas kajian yang dikenalpasti (2010-2020), selepas disaring dan ditaksir untuk kelayakan, hanya 17 kertas kajian sahaja digunakan untuk laporan. Rangka kerja Populasi, Intervensi, Perbandingan, Hasil dan Reka Bentuk (PICOS) digunakan untuk menentukan skop kajian (Booth, Papaioannou, & Sutton 2012). Jadual 2 merupakan kerangka PICOS yang mengandungi definisi bagi setiap konsep PICOS tersebut dan digunakan untuk setiap langkah dalam SLR.

PENYARINGAN (*SCREENING*)

Langkah selanjutnya adalah fasa penyaringan. Literatur yang dikumpulkan pada tahap pengenalan kemudian disaring dengan memilih kriteria pemilihan jurnal yang dilakukan secara automatik berdasarkan fungsi penyaringan. Beberapa pensyaratan dilakukan dalam penelitian ini. Pertama, garis masa (atau *timeline*) antara tahun 2010 sehingga 2020 dipilih sebagai salah satu kriteria inklusif. Dekad terakhir dipilih untuk menyorot secara teoretikal maupun praktikal tentang topik pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia.

Selain itu, demi menjaga kualiti sorotan yang dilakukan, kajian sistematik ini memilih artikel yang memiliki data teoretikal mahupun data empirikal yang terdapat dalam jurnal sahaja. Hal ini dilakukan kerana konsep

KELAYAKAN (*ELIGIBILITY*)

Untuk menganalisis kelayakan artikel atau jurnal yang dipilih, penelitian ini menggunakan tinjauan integratif, seperti yang disarankan oleh (Samsuddin, Shaffril, & Fauzi 2020). Rekabentuk integratif menjelaskan artikel yang terpilih dengan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Kajian sistematik ini diguna pakai untuk mengidentifikasi tema dan sub-tema yang relevan (jika ada) dengan menilai keseluruhan aspek artikel (judul, abstrak dan kandungan teks).

Pandangan hidup Islam dengan matlamat pendidikan Indonesia, selain berdasarkan kepada apa yang telah dikaji di peringkat lapangan (empirikal), juga memuat yang berbentuk pemikiran atau konseptual (teoretikal). Selain itu, kajian sistematik ini memilih artikel yang diterbitkan dalam jurnal akademik yang ada unsur *peer-review* dan diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Indonesia atau Melayu.


Melalui kriteria pemilihan ini, proses ini mengeluarkan artikel yang diterbitkan sebelum tahun 2010. Selain itu, artikel dari jurnal tidak berindeks (*non-indexed*), jurnal tinjauan literatur sistematik, bab dalam buku, prosiding persidangan juga dikecualikan dalam penelitian ini. Jadual 3 menunjukkan kriteria kemasukan (*inclusion*) dan pengecualian (*exclusion*) penyaringan daripada makalah ini:

JADUAL 3. Kriteria Kemasukan dan Pengecualian

Kriteria	Kelayakan (<i>Eligibility</i>)	Pengecualian (<i>Exclusion</i>)
<i>Jenis Literatur</i>	Jurnal Berwasit/Berindeks (<i>Indexed Journal</i>) (artikel yang memuat naik kajian teoretikal dan/atau empirikal)	Jurnal tidak berwasit/berindeks (<i>Non-indexed journals</i>), artikel berbentuk SLR, bab dalam buku, prosiding persidangan
<i>Bahasa</i>	Inggeris, Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia	-
<i>Garis Masa</i>	Antara 2010-2020	<2010

Tahap pengelompokan ke dalam kategori tema tertentu kemudian mengarah ke tahap berikutnya. Setiap artikel dalam sebuah tema ditinjau secara mendalam untuk mendapatkan perkaitan dan hubungannya. Pada akhirnya, temuan akhir dari penelitian ini akan menemukan lompong penelitian untuk diisi oleh penelitian selanjutnya. Dalam

konteks ini, penyusunan konsep pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia didasarkan pada pemetaan dan temuan penelitian ini. Bagi memudahkan pemahaman mengenai langkah-langkah kajian sistematik ini. Rajah 1 adalah rajah bagi SLR yang telah diadaptasi daripada carta alir PRISMA (Liberati et al. 2009).



RAJAH 1. Carta Alir bagi kajian sistematik

HASIL DAN PERBINCANGAN

HASIL PENEMUAN

Bahagian ini bertujuan untuk mengenal pasti corak pencarian dalam kajian lepas dan karya dan membincangkan reka bentuk penemuan. Tujuan dapatan dan perbincangan adalah untuk mengetahui lompong kajian dengan lebih jelas. Untuk menentukan hasil kajian lepas dan karya sediada dipilih mengikut tema berdasarkan kata kunci.

Teks dipilih daripada beberapa tema, termasuk tema yang berkaitan dengan pandangan hidup Islam, pendidikan, dan matlamat pendidikan Indonesia. Hasil daripada penemuan ini disertakan juga nama penulis, tajuk jurnal, dan tahun penerbitan. Selain itu, diterangkan juga tujuan kajian dan perspektif kajian yang digunakan. Jadual 4 juga menggambarkan klasifikasi artikel yang layak disemak, yang diterbitkan dalam pangkalan data SCOPUS atau MyJurnal atau pangkalan data IJER.

JADUAL 4. Dapatan

No.	Tajuk Artikel	Penulis	Pandangan Hidup Islam	Pendidikan	Matlamat Pendidikan Indonesia	Matlamat Kajian	Perspectif Kajian
1.	<i>Cultural values in a high school EFL textbook within the Indonesian context</i>	Sinaga, Eka Putrawan, & Nurdiana (2020)	-	✓	✓	<i>English EFL textbook (Senior High School)</i>	<i>The cultural values and gender ideology of Indonesian education</i>
2.	Representation of multicultural values in textbooks: Democracy and anti-conflict in Indonesian Elementary School Language Classrooms	Ansari, Haris & Sultan (2020)	-	✓	✓	<i>Content of textbook (Elementary School)</i>	<i>The values of democracy and anti-conflict</i>
3.	<i>Contextual-based ISBD learning model to develop honesty and responsibility</i>	Nora, Ananda & Mudjiran (2020)	✓	✓	✓	<i>Development of student characters by paying attention and integrating religious character values that include honesty and responsibility</i>	<i>Based on the ISBD course</i>
4.	<i>Education through art in a virtual community: Strengthening religious values through illustration artworks</i>	Nugrahani et al. (2020)	✓	✓	✓	<i>Muslim women on doing da'wah, disseminate Islamic values</i>	<i>The art of Hijab graphic illustration</i>
5.	<i>Form behavior character on adolescent with the influence of the time of modernization: A case study in Aceh</i>	Mukhsinuddin dan Fazri (2018)	✓	✓	✓	<i>Character formation by combining cognitive aspects (brain) and affective (soul)</i>	<i>Character education models in Aceh, Indonesia</i>
6.	<i>How to internalise Islamic values in mathematic learning?</i>	Suroso et al. (2018)	✓	✓	-	Education institutions from Elementary up to college/university level	Islamic Values on mathematic teaching
7.	<i>Humanism in islamic education: Indonesian references</i>	Usman, Shaharuddin & Abidin (2017)	✓	✓	✓	<i>Humanism on Islamic education</i>	<i>Indonesian education goals</i>
8.	<i>Developing education strategy of Islamic boarding schools (Pesantren): Study at three schools of Islamic union organization (Persatuan Islam) in the district of Sumedang, West Java-Indonesia</i>	Hamid (2012)	✓	✓	-	<i>Islamic Boarding Schools (Pesantren)</i>	<i>Based on studies of three pesantren, Persatuan Islam organization in Sumedang City, West Java</i>
9.	<i>The Appreciation of an Islamic Education Curriculum: Lessons Learned from The Islamic Private Schools of West Kalimantan, Indonesia</i>	Othman (2019)	✓	✓	-	Student worldview on examining Islamic education teaching	Islamic education curriculum that applied in Islamic School, Kalimantan Indonesia

continue ...

... continued

10.	<i>Ideologies and Structures of Higher Learning Institution Model: Reconstructing the Worldview of Higher Education</i>	Rahman et al. (2017)	✓	✓	-	Higher education in Islamic institutions and Western education	Worldview reconstruction regarding higher education
11.	<i>Concept of Educational Values for Tauhid National Education System Perspective</i>	Nurhadi (2019)	✓	✓	✓	Tauhid education on the Indonesian education system	Based on Law No.20 of 2003 regarding the National Education System
12.	<i>Character Educational Management (a case study within the Elementary School Penyengat Island)</i>	Fitri, Akbar & Madhakomala (2018)	✓	✓	✓	Student at elementary school in Pulau Penyengat	Character education management
13.	Tinjauan Pendidikan dari perspektif Islam	Mubarok (2015)	✓	✓	-	Education on generally	Islamic perspective
14.	Peran Pendidikan Islam dalam Membangun Worldview Muslim di Tengah Arus Globalisasi	Wahyudi (2017)	✓	✓	-	Islamic education	Develop Muslim Worldview in the middle of the globalization era
15.	Islamic Worldview dan Lahimnya Tradisi Ilmiah di Institusi Pendidikan Islam	Sarjuni (2019)	✓	✓	-	Scientific tradition in an Islamic education institution	Islamic Worldview
16.	Tujuan Pendidikan Nasional Perspektif Al-Qur'an	Affandi (2011)	✓	✓	✓	Indonesian education goals	Al-Qur'an perspective
17.	Paradigma Pendidikan Islam dalam Undang-Undang Sisdiknas 2003	Kholis (2014)	✓	✓	✓	Islamic education paradigm	Law No.20 of 2003 regarding the National Education System

PERBINCANGAN

Bahagian ini bertujuan untuk membincangkan dengan lebih mendalam hasil daripada penemuan tema-tema yang dapat dikenalpasti seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4 sekali gus menjawab persoalan kajian dan mengetahui lebih jelas lompong kajian daripada artikel dan karya yang telah disorot. Bahagian ini bermula dengan penjelasan mengenai kecenderungan kajian pandangan hidup Islam dan matlamat pendidikan Indonesia. Setelah itu dibincangkan hasil penelitian (*review*) kajian berkenaan pandangan hidup Islam dengan pendidikan secara am dan selanjutnya akan lebih khusus membincangkan hasil penelitian (*review*) kajian mengenai pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia dan akhirnya perbincangan menjurus tentang hasil penelitian (*review*) kajian sistematik ini tentang kepentingan menerapkan pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia.

Kecenderungan Kajian Pandangan Hidup Islam dengan Matlamat Pendidikan Indonesia

Bahagian ini mengenal pasti kedudukan terkini kajian dan karya berkenaan pandangan hidup Islam dengan pendidikan khususnya matlamat pendidikan Indonesia. Hasil pembacaan ke atas karya-karya berkaitan topik kajian, umumnya membincangkan pendidikan dalam perspektif Islam atau lebih khusus dalam al-Quran tetapi tidak secara langsung berkenaan dengan pandangan hidup Islam. Ada pula yang secara khusus membincangkan matlamat pendidikan Indonesia dilihat daripada nilai-nilai dalam Islam, misalnya nilai tauhid, akhlak, karakter dan moral namun tidak dikaitkan dengan pandangan hidup Islam.

Untuk melihat fenomena berkenaan kepentingan pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia, bahagian ini membincangkan berdasarkan kata kunci utama yang dipilih iaitu pandangan hidup Islam, pendidikan, dan matlamat pendidikan Indonesia. Penemuan yang diperoleh hasil daripada SLR ini, menunjukkan bahawa daripada 17 artikel yang telah dipilih, semuanya mengkaji berkaitan dengan pendidikan. Namun daripada 17 artikel tersebut, didapati 12 artikel mengaitkan pendidikan dengan elemen asas pandangan hidup Islam dan nilai-nilai dalam matlamat pendidikan Indonesia. Daripada baki lima artikel tersebut, tiga artikel membincangkan tentang kepentingan pandangan hidup Islam dalam pendidikan manakala dua artikel

lagi mengkaji pendidikan dari perspektif nilai-nilai dalam matlamat pendidikan Indonesia.

Sorotan literatur ke atas kajian mengenai kepentingan pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia ini diperlukan untuk memberi gambaran isu dan topik yang menjadi perbincangan dalam kalangan penyelidik sekali gus memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pandangan hidup Islam dalam pendidikan. Hasil daripada perbincangan yang telah dibuat, lompong kajian dapat ditonjolkan. Apabila lompong kajian dapat dilihat, maka justifikasi kepentingan dan sumbangan kajian yang perlu dilaksanakan dapat diungkapkan dengan lebih jelas.

Pandangan Hidup Islam dalam Pendidikan

Daripada 17 artikel yang diteliti, lima artikel dipilih berkenaan pandangan hidup Islam dalam pendidikan. Tiga daripada lima artikel tersebut membincangkan mengenai kepentingan pandangan hidup Islam dalam pendidikan. Seperti kajian yang dilakukan oleh Mubarak (2015), Wahyudi (2017) dan Sarjuni (2019). Selain itu, Mubarak (2015) telah membuat penelitian tentang pendidikan dalam perspektif Islam. Kemudian Wahyudi (2017) mengkaji pendidikan Islam dalam membangun pandangan hidup seorang muslim di tengah arus globalisasi. Seterusnya, Sarjuni (2019) pula mengkaji pandangan hidup Islam sebagai nadi dalam melahirkan tradisi ilmiah di dalam institusi pendidikan Islam.

Setelah dilakukan analisis, ketiga-tiga artikel tersebut mempunyai persamaan dan juga perbezaan. Persamaan terletak pada fokus utama kajian, iaitu penelitian utama adalah kepada pendidikan yang dilihat daripada perspektif Islam atau pandangan hidup Islam. Perbezaannya pula terletak kepada pengkhususan penelitian setiap satu daripada tiga kajian tersebut yang mengkaji daripada sudut pendidikan Islam atau institusi pendidikan Islam tanpa mengaitkan tentang matlamat pendidikan Indonesia secara umum mahupun secara spesifik kepada Sisdiknas.

Manakala dua baki artikel lainnya membincangkan nilai pandangan hidup Islam dalam pendidikan. Seperti kajian yang dilakukan oleh Nora, Ananda dan Mudjiran (2020) mengkaji nilai pandangan hidup Islam berdasarkan model ISDB, iaitu satu model untuk mengembangkan kejujuran dan tanggungjawab para pelajar. Kemudian Nugrahani et al. (2020) mengkaji berkenaan nilai-nilai pandangan hidup Islam di dalam pendidikan

dakwah untuk menyerukan pakaian hijab yang sesuai dengan syariat.

Kelima-lima artikel yang dianalisis ini meskipun membicarakan perihal pandangan hidup Islam dalam pendidikan, namun kajian-kajian ini tidak menghubungkan pula dengan matlamat pendidikan Indonesia. Fokus kajian-kajian tersebut bukan untuk mengkaji secara khusus kepentingan menerapkan pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia.

Pandangan Hidup Islam dalam Matlamat Pendidikan Indonesia

Setelah dilakukan analisis, daripada 17 artikel yang dipilih, terdapat 12 artikel yang mengaitkan pendidikan dengan pandangan hidup Islam dan juga matlamat pendidikan Indonesia. Daripada ke 12 artikel tersebut, tujuh artikel didapati mengkaji pendidikan berdasarkan elemen atau nilai dalam pandangan hidup Islam. Elemen atau nilai tersebut adalah seperti pendidikan karakter, nilai kejujuran, tanggung jawab, tauhid dan sebagainya.

Kesemua tujuh artikel tersebut di antaranya merupakan kajian yang dilakukan oleh Suroso et al. (2018) membicarakan tentang institusi pendidikan dari jenjang Sekolah Dasar sehingga Perguruan Tinggi berdasarkan nilai-nilai Islam dalam pembelajaran ilmu hisab (atau matematik). Seterusnya, Hamid (2012) pula membahaskan tentang *Islamic Boarding Schools* (atau Pesantren) berdasarkan penelitian terhadap tiga pesantren milik organisasi persatuan Islam di Kota Sumedang, Jawa Barat. Selanjutnya, Othman (2019) membuat kajian tentang cara pandang siswa dalam menilai pembelajaran pendidikan Islam berdasarkan kurikulum pendidikan Islam yang diterapkan di Sekolah Islam Kalimantan.

Hal ini diikuti oleh kajian yang dijalankan Rahman et al. (2017) yang telah membuat penelitian pendidikan tinggi di lembaga-lembaga Islam dan Barat dalam rangka merekonstruksi pandangan dunia tentang pendidikan tinggi.

Selanjutnya, Usman, Shahrudin dan Abidin (2017) mengkaji mengenai tujuan pendidikan Indonesia daripada perspektif Islam. Manakala Mukhsinuddin dan Fazri (2018) meneliti berkenaan model pendidikan karakter di Aceh, Indonesia. Sedangkan Fitri, Akbar dan Madhakomala (2018) mengkaji berkenaan pengurusan pendidikan karakter.

Selanjutnya, tiga artikel yang lainnya terkait langsung tentang pandangan hidup Islam dalam

matlamat pendidikan Indonesia, semuanya merujuk kepada dokumen rasmi dalam Sisdiknas. Affandi (2011) pula mengkaji tentang matlamat pendidikan nasional dari perspektif al-Quran, manakala kajian Kholis (2014) memfokus berkenaan paradigma pendidikan Islam dalam Sisdiknas. Selanjutnya, kajian Nurhadi (2019) mengkaji konsep nilai pendidikan tauhid dalam sistem pendidikan nasional.

Ketiga-tiga kajian ini mengkaji mengenai matlamat pendidikan Indonesia dengan merujuk kepada Sisdiknas. Namun ketiga-tiganya memiliki fokus kajian yang berbeza. Affandi (2011) lebih fokus kepada perspektif al-Quran, manakala Kholis (2014) tertumpu kepada paradigma pendidikan Islam, sedangkan Nurhadi (2019) pula fokus kepada nilai pendidikan tauhid. Namun demikian, kesemua kajian ini mempunyai persamaan dalam merujuk kepada Sisdiknas.-

Manakala baki dua artikel lagi membicarakan tentang pendidikan dan perkaitannya dengan nilai-nilai yang ada di dalam matlamat pendidikan Indonesia. Sinaga, Eka Putrawan dan Nurdiana (2020) telah mengkaji tentang buku teks Inggeris EFL Sekolah Menengah Atas yang didasarkan atas nilai-nilai dan ideologi gender dalam pendidikan Indonesia. Manakala kajian oleh Anshari Haris dan Sultan (2020) mengkaji tentang isi buku teks Sekolah Rendah atau Sekolah Dasar (SD) berdasarkan nilai-nilai demokrasi dan anti konflik.

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji kepentingan pandangan hidup Islam dalam mencapai matlamat pendidikan Indonesia berlatar belakangkan tiga isu utama yang masih membelenggu sistem pendidikan Indonesia, iaitu persoalan keadilan, humanisme, dan dualisme dalam pendidikan.

KESIMPULAN

Daripada kajian sistematik yang telah dilakukan, dapat disimpulkan tiga perkara penting. Pertama, kajian-kajian sebelumnya dapat dikelompokkan ke dalam dua tema, iaitu pandangan hidup Islam dalam pendidikan dan pandangan hidup Islam dalam matlamat pendidikan Indonesia. Kedua, penemuan berdasarkan SLR yang dijalankan menunjukkan bahawa ke 17 artikel yang dikaji walaupun terdapat kajian-kajian berkenaan pandangan hidup Islam dalam pendidikan Indonesia telah dijalankan, namun fokus kajian-kajian tersebut adalah untuk menganalisis matlamat pendidikan Indonesia berdasarkan skop yang lebih umum iaitu berpandukan perspektif Islam atau al-Quran tanpa

menghubungkan dengan lebih jelas pandangan hidup Islam yang bersifat lebih spesifik, yang merupakan fokus kajian ini. Oleh itu, hasil dapatan SLR ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji lebih lanjut tentang kepentingan pandangan hidup Islam bagi dijadikan asas untuk mencapai kesejahteraan menerusi matlamat pendidikan Indonesia.

Ketiga, dalam kepentingan pandangan hidup Islam sebagai panduan untuk mencapai kesejahteraan menerusi matlamat pendidikan Indonesia, pemerintah dalam hal ini kementerian pendidikan perlu mengambil kira pandangan hidup Islam dengan memahami prinsip dan asas-asasnya untuk membina dasar pendidikan negara. Sebagaimana disebutkan dalam Sisdiknas terutama Fasal 33 ayat (3) bahawa pemerintah mengusahakan dan menyelenggarakan satu Sistem Pendidikan Nasional untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan. Ini bererti bahawa pemerintah melalui sistem pendidikannya yang ada diselenggarakan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan serta Kementerian Agama, mempunyai ruang untuk menyelenggarakan satu Sistem Pendidikan Nasional demi mewujudkan amanat dasar pendidikan seperti yang dihasratkan (Kurniyati 2018). Tambahan kedua-dua kementerian dilihat sebagai penyelenggara pendidikan yang merupakan sebahagian daripada Sisdiknas, sehingga kedua-dua kementerian tersebut terikat dengan peraturan yang telah ditetapkan dalam Sisdiknas (Djamas 2009).

Sekiranya kementerian tidak mengambil kira pandangan hidup Islam dualisme dalam pendidikan akan terus menerus berlaku. Dualisme ini memunculkan permasalahan yang serius. Amin (2012) menyatakan bahawa pendidikan Indonesia telah mengalami dualisme, iaitu terpisahnya sains agama dan sains umum baik secara institusi pendidikan formal mahupun *non-formal*. Daripada dualisme tersebut menyebabkan dikotomi pendidikan yang mengkhawatirkan hingga berimplikasi kepada cara pandang seseorang dalam melihat realiti kehidupan, dan cara pandang atau penghayatan ini akan mempengaruhi pembentukan sikap dan perbuatan (Salleh & Ramlan 2023). Oleh itu, pandangan hidup yang benar berdasarkan nilai-nilai agama diperlukan supaya dapat mencapai matlamat pendidikan Indonesia seperti yang telah dihasratkan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universitas Muhammadiyah Yogyakarta dan Universiti Sains Malaysia kerana menyediakan geran penyelidikan untuk mengkaji Pelaksanaan Pandangan Dunia Islam terhadap Matlamat Pendidikan Indonesia di bawah Geran Penyelidikan yang dibiayai oleh Pusat Penyelidikan UMY dan USM yang membolehkan penyelidikan dan penulisan kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

“Pengkonseptualan, Shereeza Mohamed Saniff.; metodologi, Beta Pujangga Mukti.; formal analisis, Beta Pujangga Mukti.; kesahan, Beta Pujangga Mukti.; sumber, Beta Pujangga Mukti.; penulisan-penyediaan draf asal, Beta Pujangga Mukti.; penulisan-menilai dan suntingan, Shereeza Mohamed Saniff.; pentadbiran projek, Beta Pujangga Mukti.; perolehan dana, Beta Pujangga Mukti. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

- Affandi, R. 2018. Tujuan pendidikan Indonesia dalam perspektif al-Qur'an. *Jurnal Insania* 16(3): 369-378.
- Amin, A. 2012. *Islamic Studies di Perguruan Tinggi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Anshari, A., Haris, H., & Sultan, S. 2020. Representation of multicultural values in textbooks: Democracy and anti-conflict in Indonesian elementary school language classrooms. *Asian EFL Journal* 27(2): 68-84.
- Awang, J., Nuriz, M. & Fuadi, A. 2020. Islamic educational thought in Indonesia: Study of Azyumardi Azra's thought. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 42(2): 61-70.
- Azlan, N., Amran, N. N. & Ishak, H. 2020. Amalan service-learning berdasarkan falsafah dan matlamat pendidikan dalam Islam. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 42(2): 23-33.
- Baba, S. & Hanapi, M. S. 2018. *Fikrah Tasawur Islami*. Selangor: MZ Edu Publications.
- Booth, A., Papaioannou, D. & Sutton, A. 2012. *Systematic Approaches to a Successful Literature Review*. London: Sage Publications Ltd.
- Carrera-Rivera, A., Larrinaga, F. & Lasa, G. 2022. Context-awareness for the design of smart-product service systems: Literature review. *Journal of Computers in Industry* 142(9): 2-16.

- Fitri, R.S., Akbar, M. & Madhakomala, R. 2018. Character educational management (A case study in the elementary school Penyengat Island). *Indonesian Journal of Educational Review* 5(1): 23-27.
- Hamid, H. 2012. Developing education strategy of Islamic boarding schools (Pesantren): S t u d y at three pesantrensof Islamic union organization (Persatuan Islam) at the district of Sumedang, West Java-Indonesia. *Journal of Applied Sciences Research* 8(12): 5583–5590.
- Hasan Langgulung. 1986. *Manusia dan Pendidikan; Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Higgins, J.P.T. & Green, S. 2011. *Cochrane Handbook for Systematic Reviews of Interventions: Cochrane Book Series*. New Jersey: Wiley.
- Ismunanto, A. 2021. *Hamid Fahmy Zarkasyi; Biografi Intelektual, Pemikiran Pendidikan, dan Pengajaran Worldview Islam di Perguruan Tinggi*. Yogyakarta: Yayasan Bentala.
- Kholis, N. 2014. Paradigma pendidikan Islam dalam UUD sistem pendidikan nasional. *Jurnal Pendidikan* 2(1): 75-79. <https://doi.org/10.24090/jk.v2i1.542>.
- Kitchenham, B. & Charters, S. 2007. Guidelines for performing systematic literature reviews in software engineering. *Technical Report*.
- Kurniyati, E. 2018. Memahami dikotomi dan dualisme dalam pendidikan Indonesia. *Journal of Rausyan Fikr* 14(1): 1-21.
- Levy, Y. & Ellis, T. J. 2006. A systems approach to conduct an effective literature review in support of information systems research. *Informing Science* 9.
- Liberati, A., Altman, D. G., Tetzlaff, J., Mulrow, C., Gøtzsche, P. C., Ioannidis, J. P. A. & Moher, D. 2009. The PRISMA statement for reporting systematic reviews and metaanalyses of studies evaluating health care interventions: Explanation and elaboration. *Annals of internal medicine* 151(4): W-65.
- Musadad, A. J. 2021. Dinamika pendidikan Islam pasca kemerdekaan di Indonesia. *Thaqafiyat Jurnal Bahasa Peradaban Dan Informasi Islam* 20(1) : 1. <https://doi.org/10.14421/taq.2021.20101>
- Mengist, W., Soromessa, T., & Legese, G. 2020. Method for conducting systematic literature review and meta-analysis for environmental science research.
- Mohamed Shaffril, H. A., Ahmad, N., Samsuddin, S. F., Samah, A. A., & Hamdan, M. E. 2020. Systematic Literature Review on Adaptation Towards Climate Change Impacts Among Indigenous People in the Asia Pacific Regions. *Journal of Cleaner Production*, 258, 120595.
- Mubarok, S. 2015. Tinjauan Pendidikan Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Al-Ishlah*. 8 (1). 297-317.
- Mukhsinuddin., Fazri, A. 2018. Form behavior character on an adolescent with the influence of the time of modernization: A case study in Aceh. *International Journal of Scientific and Technology Research*. 7(7). 95-99.
- Nora, D., Ananda, A., Mudjiran. 2020. Contextual-based ISBD learning model to develop honesty and responsibility. *International Journal of Scientific and Technology Research*, 9(2). 67-71.
- Nugrahani, R., Triyanto, Syarif, M.I., & Rohidi, T.R. 2020. Education Through Art in a Virtual Community: Strengthening Religious Values Through Illustration Artworks. *Journal of Humanities and Social Sciences Reviews*. 8(2). 52-57. <https://doi.org/10.18510/hssr.2020.82e05>
- Nurhadi. 2019. Concept Of Educational Values for Tauhid National Education System Perspective, *Indonesian Journal of Islamic Education Studies (IJIES)*. 2 (1). 1-17.
- Othman, D. S. A. 2019. The Appreciation of an Islamic Education Curriculum: Lessons Learned from The Islamic Private Schools of West Kalimantan, Indonesia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*. 7 (1). 54-67.
- Rahman, S. A., Abdullah, S. S., Jamil, A. I. & Kamaruzaman, N. N. 2017. Ideologies and structures of higher learning institution model: Reconstructing the worldview of higher education. *Journal of Islamic Educational Research* 2(2): 22-35.
- Saad, H. M. & Rajamanickam, R. 2021. Maqasid memelihara akal (Hifz al-‘Aql) dan hubungannya dengan falsafah pendidikan kebangsaan. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 43: 93 – 104.
- Salleh, N. & Ramlan, M. Z. 2023. Kesan penghayatan ihsan terhadap pembentukan akhlak remaja Islam. *Islamiyyat: Journal of Islamic Studies* 45(2): 3–13.
- Samsuddin, S. F., Shaffril, H. A. M. & Fauzi, A. 2020. Heigh-ho, heigh-ho, to the rural libraries we go! - A systematic literature review. *Library and Information Science Research* 42(1): 100997. [10.1016/j.lisr.2019.100997](https://doi.org/10.1016/j.lisr.2019.100997)
- Sarjuni. 2019. Islamic worldview dan lahirnya tradisi ilmiah di Institusi Pendidikan Islam. *Jurnal Ta'dibuna* 2(2): 25-43.
- Sierra-Correa, P. C., Ricardo, J. & Kintz, C. 2015. Ecosystem-based adaptation for improving coastal planning for sea-level rise: A systematic review for mangrove coasts. *Marine Policy* 51: 385–393. [10.1016/j.marpol.2014.09.013](https://doi.org/10.1016/j.marpol.2014.09.013)
- Sinaga, T., Eka Putrawan, G. & Nurdiana, N. 2020. Cultural values in a high school EFL text book in the Indonesian context. *Universal Journal of Educational Research* 8(5): 1944-1952. [10.13189/ujer.2020.080531](https://doi.org/10.13189/ujer.2020.080531)

- Suroso, C. P., Hassan, M. B. A., Bin, S., Mohamed, D. S. & No, J. K. A. S. 2018. How do internalise Islamic values in mathematic learning? *Opción* 34(85): 1198-1206.
- Usman, A.H., Shaharuddin, S.A. & Abidin, S.Z. 2017. Humanism in Islamic education: Indonesian references. *International Journal of Asia-Pacific Studies* 13(1): 95-113.
- Wahyudi, T. 2017. Peran pendidikan Islam dalam membangun worldview Muslim di tengah arus globalisasi. *Jurnal Cendekia* 15(2): 319.
- Wan Daud, W.M.N. 1994. *Konsep Ilmu dalam Islam*. Pulau Pinang: Sinaran Bros. Sdn. Bhd.
- Wan Zakaria, W. F. A. 2019. Epistemologi dan metodologi sains Islam di era revolusi industri 4.0. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 41(1): 13–23.
- Windham, D. & Levin, H. 1990. *The Analysis of Educational Productivity: Issues in Macro Analytical Perspective*. New York: Ballinger Publishing Company.
- Xiao, Y. & Watson. 2019. Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research* 39(1): 93-112.